

LICAPAKI : ADHO

③

330 - 98/79

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA
MERASMIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN
SRI TIMBUL, KAMPUNG SRI DALAM,
MUKIM 10, BATU PAHAT, JOHOR,
PADA HARI KHAMIS 6HB. JULAI,
1978 - JAM 10.30 PAGI.

Yang Di hormati - Encik Pengurus majlis.

1. Yang Berusaha Pegawai Daerah, Batu Pahat.
- 2 * *Yang Berusaha Tuan Pengarah Pelajaran, negeri Johor*
Yang Berusaha Guru Besar serta Guru-guru Sekolah Sri Timbul.

Calun² B. N.

- 3 Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

* *Pengurus² Jawatankuasa Lavatan*

Saya bersyukur kehadiran Allah
 dapat
 Subhanahu wata'ala, kerana / pada pagi
 ini bersama-sama hadir di majlis yang meriah ini,
bagi menyambut
 kerana Perayaan Jubli Perak Sekolah Sri
Timbul, dan seterusnya merasmikan bangunan
baru sekolah ini.

2. Saya mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Pegawai Daerah, Batu Pahat, dan Kementerian Pelajaran, kerana memberi penghormatan ini kepada saya.

3. Sebagaimana kita sedia maklum, Kerajaan Barisan Nasional menitekberatkan bidang pelajaran, supaya peranannya dalam usaha membentuk sebuah masyarakat yang^{ber}disiplin, progresif dan terlatih, akan dapat di capai. Mataamat utamanya ialah, mewujudkan dan memelihara perpaduan negara yang berkekalan, di kalangan rakyat berbilang kaum.

4. Bagi mencapai matalamat ini, serta menampung keperluan yang semakin meningkat, di sebabkan bertambahnya bilangan kanak-kanak yang memasuki sekolah pada tiap-tiap tahun, *adalah* *Barisan Nasional* peruntukan yang besar ~~disediakan~~ oleh Kerajaan untuk tujuan-tujuan pelajaran. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan sebanyak \$1,671 juta di sediakan, berbanding dengan ~~peruntukan~~ *Rancangan* ~~perbelanjaan~~ sebanyak \$733 juta dalam ~~tahun-tahun~~ *Malaysia Kedua.* ~~1971 hingga 1975.~~

5. Penekanan dasar pembangunan Kerajaan dalam bidang pelajaran ini, adalah atas kesedaran

~~yang ikhlas~~ bahawa jurang perbezaan diantara mutu pelajaran di kawasan luar bandar dan kawasan bandar, adalah luas. Dalam konteks ini, satu strategi yang dilaksanakan sekarang, ialah untuk menghapuskan jurang perbezaan ini, dengan sistematik dan berkesan. Kerajaan Barisan Nasional tidak akan membenarkan sama-
sekali, keadaan dalamana jurang perbezaan ~~mutu~~ ~~kualiti~~ pelajaran di antara luarbandar dan bandar, berlanjutan. Langkah dan tindakan yang lebih berkesan, akan terus di jalankan, bagi menyediakan kemudahan-kemudahan yang

lebih sempurna, di sekolah-sekolah dalam kawasan luarbandar, dengan tujuan meninggikan lagi mutu pelajaran di seluruh negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Dalam usaha meningkatkan mutu dan meluaskan perkembangan sistem pelajaran kebangsaan, adalah menjadi dasar utama Kerajaan Barisan Nasional, menyediakan kemudahan dan peluang-peluang secara adil, kepada semua golongan rakyat. Di samping memberi pelajaran percuma kepada semua murid ~~murid~~ di sekolah-sekolah

rendah, Kerajaan Barisan Nasional juga memberi
peluang kepada semua penuntut yang mempunyai
kelayakan yang ditentukan, melanjutkan pelajaran
mereka ke tingkatan-tingkatan yang lebih
tinggi, ^{lah} hingga ke peringkat universiti.

7. Penyesuaian sistem pelajaran dengan
keadaan sekarang ini, dilaksanakan dengan
menekankan pengetahuan asas, ~~serta~~ mementingkan
pengetahuan sains dan teknologi, serta pengurusan
dan perdagangan. Sistem anika jurusan, juga
dilaksanakan, supaya meliputi bidang yang lebih
luas. Ini akan membolehkan penuntut-penuntut

membuat pilihan sendiri, antara jurusan-jurusan sastera, sains, teknik dan vokesyenal, mengikut kemampuan, kecenderongan dan minat masing-masing.

8. Kerajaan Barisan Nasional juga mengambil perhatian berat, di atas keperluan menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih banyak lagi *dalam* sekolah-sekolah vokesyenal, supaya dapat melengkapkan pengetahuan kemahiran moden, kepada penuntut yang cenderung *dalam* ~~di~~ bidang ini. Pemesatan bidang ini, perlu di perluaskan, memandangkan perkembangan pesat pembangunan industri di negara kita, yang memerlukan tenaga mahir yang banyak,

lagi bermutu. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Barisan Nasional, membina lebih banyak lagi sekolah vokesyenal, bukan sahaja di bandar-bandar, bahkan di kawasan-kawasan luarbandar.

9. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa meng-
galakkan pengajian dalam jurusan sains dan
teknoloji di kalangan pelajar-pelajar, dengan
tujuan supaya, negara dapat melahirkan lebih
ramai lagi tenaga profesyenal dan kemahiran,
bagi menampung kekurangan di masa ini, dan
keperluan yang semakin meningkat, di masa-masa
akan datang. Saya suka melihat lebih ramai
..9/-

lagi, bilangan pelajar dari kawasan luarbandar,
meminati jurusan ini. Saya harap guru-guru
dan ibubapa, sentiasa memberi bimbingan dan
galakan, kepada pelajar², supaya mereka dapat
melengkap dan melayakkan diri, untuk menyertai
jurusan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Sebagaimana yang diuraikan dalam
Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, mataalamat
utama Dasar Ekonomi Baru, ialah memupuk perpaduan
negara, dengan meningkatkan pendapatan dan taraf
hidup rakyat. Di samping dapat mengurang, dan

seterusnya menghapuskan kemiskinan, tanpa mengira kaum, Kerajaan Barisan Nasional berazam, untuk *meng-imbang-kan* mengimbangkan perbezaan ekonomi antara kaum, mewujudkan pembangunan kawasan dan wilayah yang seimbang, dan seterusnya, membentuk satu corak ekonomi, di mana penyertaan dalam semua aktiviti dan di semua peringkat, benar-benar mencerminkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Dengan jalan ini, semua kaum dan golongan, dapat merasai diri mereka turut sama-sama terlibat, dalam pembangunan negara.

11. Berpandukan kepada matalamat dan tujuan utama inilah, maka Dasar Ekonomi Baru akan terus di laksanakan mengikut perinsip peng-agih-han pengagihan pertumbuhan, dan bukan agihan semula sumber hakiki. Oleh itu, ^{tiada} ~~tidak~~ sesiapa pun ^{boleh me-nyang-si-kan} dapat merasai atau menyangsikan, bahawa hak hakiki mereka, akan hilang atau dinafikan. Saya telahpun menegaskan perkara ini berkali-kali, kerana saya berkehendakkan setiap rakyat, terutama berada, golongan yang bekerjasama sepenuhnya dengan Kerajaan Barisan Nasional, bagi menjayakan pelaksanaannya. *Dasar Ekonomi Baru ini.*

Tuan² dan Puan² sekalian.

12. Perpaduan negara, tidaklah dapat di-
capai semata-mata dengan penyusunan semula
masyarakat, dari segi aktiviti ekonomi. Langkah-
langkah lain, seperti dalam bidang pelajaran
dan pendidikan, politik dan kesatuan sekerja,
adalah juga ditujukan kearah matalamat ini.
Adalah penting bagi kita, menguatkan persefahaman
serta mengukuhkan perpaduan, supaya pencapaian
matalamat Dasar Ekonomi Baru, dapat menghasilkan
faedah yang lebih berkesan lagi. Saya penuh
yakin, jika diberi mandat baru, Kerajaan Barisan
Nasional akan dapat mencapai matalamat ~~sepenuhnya~~

...13/-

sepenuhnya,

Dasar Ekonomi Baru ini ~~menjelang~~ tahun 1990.

Setakat ini, kesannya telah pun dapat di rasai,
dan rakyat berbilang kaum telahpun dapat
menikmati faedahnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Saya sukalah menegaskan di sini bahawa,
segala kenyataan dan pengumuman yang di buat
oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional,
dalam dua minggu yang lalu, bukanlah merupakan *kata²*
dan janji-janji kosong. Barisan Nasional akan
menunaikan segala ikrar dan janji yang telah

...14/-

dibuatnya, serta melaksanakan projek dan rancangan yang telah di susun dan ditetapkan.



14. Sebagaimana yang selalu saya tegaskan, bahawa Kerajaan Barisan Nasional, mempunyai untuk tekad dan azam yang kuat membawa kemajuan yang lebih pesat lagi kepada rakyat. Kami akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh lagi, kearah mewujudkan keadilan sosial, serta kearah membentuk kehidupan yang lebih baik bagi semua rakyat. Inilah hasrat kami, dan harapan kami ialah supaya ~~kami harap~~ rakyat jelata, khususnya pengundi-
 kami pengundi, dapat memberikan ~~se~~ sepenuh sokongan,

kepercayaan dan kerjasama, bagi membolehkan
Barisan Nasional menjayakan cita-cita ini.

15. Sebagaimana yang saya katakan tadi,
bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan, yang di-
laksanakan sekarang ini, adalah bertujuan
mencapai perpaduan yang lebih erat lagi,
di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.
Sistem pendidikan dan latihan yang di selenggarakan,
ialah bagi membentuk sebuah masyarakat Malaysia
yang berdisiplin, progresif dan terlatih.
Ia tidak ~~sama sekali~~ ^{sekali-kali} bertujuan mewujudkan ^{kan} masyarakat

yang mementingkan kebendaan. Kemajuan kebendaan atau pembangunan jasmani, sentiasa diseimbangkan dengan pembangunan rohaniah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Perasmian bangunan sekolah Sri Timbul ini, membawa makna yang lebih besar, kerana ianya di adakan serentak dengan Perayaan Ulangtahun yang ke25 sekolah ini. Saya turut merasa *bersama-sama merayakan* bangga, kerana dapat ~~melibatkan diri dalam~~ kedua-dua peristiwa ~~penting~~ ini. Saya sukalah mengambil kesempatan ini, mengucapkan  

tahniah kepada guru-guru dan murid-murid,
sekolah
 sempena Perayaan Jubli Perak/ini.

17. Saya percaya, banyak kemajuan ~~dan rekod-~~
telah diperolehi
~~rekod penting yang telah dapat dicatat~~ dalam
Ibu-ibu bapa
 masa 25 tahun yang lalu. ~~Kepada ibubapa~~
 dan guru-guru, yang telah menyumbangkan tenaga
 dan fikiran, dalam kemajuan dan perkembangan
 ini,
 sekolah/ tentu merasa megah dengan apa yang
 telah di capai dan diperolehi.

18. Marilah kita, sempena dengan peristiwa
~~penting~~ ini, melipatgandakan usaha dan tenaga,



kearah pencapaian kemajuan dan kejayaan yang lebih tinggi *lagi*.

19. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada semua pihak, yang telah bersama-sama menjayakan majlis perayaan **Jubli Perak Sekolah** *majlis* Sri Timbul, serta peresmian bangunan baru sekolah ini. Mudah-mudahan, Allah subhanahu-wataala memberi taufiq dan hidayahNYA, kepada setiap murid yang belajar di dalamnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

20. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya,
meresmikan Perayaan Jubli Perak, dan seterusnya
mengisytiharkan bangunan baru Sekolah Sri Timbul
ini, dibuka dengan resminya.

Terima kasih.



Tuan-tuan dan tuan-tuan sekalian.

Genap ini saya dengan amat sukacitanya
persembahkan kepada Juri Perak dan seterusnya
monosybilkan bimbingan dari Juri Perak
ini dibuka dengan resainya.

Tertua Kasih



No Siri 388
No Penerimaan 52/79